

# Tahanan kes dadah: KDN akan minta penjelasan Peguam Negara — PM

UM 17 MAY 1990

① Mahkamah Moha

**K**UALA LUMPUR 16 Mei — Kementerian Dalam Negeri akan mendapatkan penjelasan daripada Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman sama ada keputusan Mahkamah Agung membebaskan 11 orang tahanan kes dadah pada 3 Mei lalu turut berkuatkuasa terhadap tahanan - tahanan lain.

Perdana Menteri berkata sekiranya keputusan itu memberi tafsiran bahawa semua tahanan yang senasib dengan 11 orang berkenaan perlu dibebaskan, maka kerajaan akan mengambil langkah yang sewajarnya.

"Saya akan berbincang dengan Peguam Negara mengenai implikasinya, jika ditafsirkan mereka perlu dibebaskan, maka kita akan bebaskan," katanya kepada para pemberita yang bertanyakan mengenai keputusan mahkamah itu.

Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri ditemui selepas meraikan Skwad Piala Thomas negara dalam satu majlis makan tengah hari di ibu kota hari ini.

Pada 3 Mei lalu, Mahkamah Agung membebaskan 11 orang tahanan yang membuat rayuan terhadap keputusan beberapa Mahkamah Tinggi yang meno-

lak permohonan supaya mereka dibebaskan daripada pusat - pusat tahanan.

Mahkamah tersebut memutuskan Menteri Dalam Negeri tidak mempunyai kuasa mengeluarkan perintah tahanan baru terhadap mereka. Perlu disebut bahawa pindaan terhadap Akta Dadah Berbahaya yang membenarkan penahanan semula itu hanya berkuatkuasa pada 3 April lalu sedangkan 11 orang berkenaan telah ditahan sebelum daripada itu.

Hakim Besar Malaya, Tan Sri Hashim Yeop Sani yang menyampaikan keputusan tersebut memberitahu "kesimpulan kami berhubung dengan semua rayuan ini ialah menteri tidak mempunyai kuasa untuk mengeluarkan perintah baru Seksyen Kecil (1) Seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya dengan hanya bergantung kepada peruntukan 11B akta itu."

Adalah difahamkan, setakat ini masih terdapat kira-kira 260 orang tahanan yang senasib dengan 11 orang berkenaan. Kesebelas orang yang membuat rayuan tersebut telahpun dibebaskan.

Ditanya mengenai saranan Perdana Menteri Singapura, Encik Lee Kuan Yew supaya Malaysia dan negaranya mengadakan pemeriksaan keselamatan bersama, Perdana Menteri berkata Malaysia belum membuat sebarang perbincangan mengenainya.

Katanya, walaupun perkara itu dibangkitkan dalam pertemuan mereka sebelum beliau bercuti, belum ada sebarang tindakan lanjut yang telah diambil dan beliau juga belum menerima sebarang maklumbalas daripada Kementerian Pertahanan.

Ditanya mengenai temuannya dengan Puan Margaret Thatcher pula, Perdana Menteri berkata beliau mengadakan perbincangan mengenai hal ehwal dunia dengan rakan sejawatannya itu yang antara lain mengenai Kampuchea dan Afghanistan.